

Lata Jarum perlu promosi

Hutan lipur terkenal dengan bunga Rafflesia tarik pelancong

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhki@bharian.com.my

RAUB: Agensi pelancongan di daerah ini perlu mengambil kesempatan dengan memperkenalkan Hutan Lipur Lata Jarum, Hulu Dong, di sini, yang sememangnya terkenal dengan Bunga Pakma atau Rafflesia.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian, Warisan, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Wanita negeri, Datuk Shafik Fauzan Sharif, berkata lokasi tumbuhan berkenaan yang terletak berdekatan jalan utama memberi kemudahan kepada pelancong.

Beliau berkata, kawasan hutan lipur Lata Jarum sememangnya menjadi kawasan habitat semula jadi jenis tumbuhan berbunga besar berwarna merah yang mempunyai kelopak.

Katanya, walaupun bunga Rafflesia banyak ditemui di beberapa kawasan hutan terutama di Sabah, Sarawak dan beberapa negeri di Semenanjung namun untuk melihatnya memerlukan perjalanan yang jauh berbanding di Lata Jarum.

"Dengan hanya berjalan antara 20 hingga 30 minit, pelancong sudah dapat melihat bunga Rafflesia yang tumbuh di atas tanah...



SHAFIK FAUZAN tertarik melihat bunga Rafflesia yang terdapat di Hutan Lipur Lata Jarum, Ulu Dong.

Rafflesia yang sememangnya sukar ditemui," katanya selepas melawat Hutan Lipur Lata Jarum, di sini.

Turut sama Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF), Mohd...

“Pelancong pasti tertarik dan terpegun melihat keunikan bunga Rafflesia”

Pejabat Hutan Daerah (PHD) perlu melakukan langkah pemuliharaan.

Katanya, selain mengawal jumlah kemasukan pelancong, mereka perlu menyediakan laluan khas, termasuk

berlebihan bagi mengekalkan suasana dan persekitaran semula jadi.

"Pelancong asing lebih berminat melihat persekitaran semula jadi, masuk ke dalam hutan menggunakan laluan